

BAB 1

PENGENALAN

1.0 PENDAHULUAN

Bab ini merupakan bab pengenalan yang memuatkan latar belakang kajian secara keseluruhan. Ia membincangkan tiga perkara penting, iaitu pernyataan masalah, objektif dan limitasi kajian. Ia juga memuatkan perbincangan tentang bidang kajian dan tumpuan kajian yang merangkumi sumber dan sampel kajian. Kepentingan kajian ini kepada pihak-pihak tertentu juga turut disentuh. Di samping itu, di dalam bab ini juga turut diterangkan lima istilah yang menjadi asas dalam kajian ini. Pada akhir bab ini, pengkaji turut menyelitkan ringkasan setiap bab yang terdapat dalam kajian.

1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

1.1.1 Program Asing dan Sejarah Sari Kata

Kebanjiran dokumentari, filem dan rancangan (selepas ini pengkaji akan menggunakan perkataan program) terbitan asing yang ditayangkan di kaca televisyen (TV) dan di pawagam kebelakangan ini menunjukkan bahawa fenomena ini telah lama wujud. Tambahan pula dengan senario masyarakat Malaysia yang berbilang kaum seperti Melayu, Cina dan India telah menjadikan faktor *multilingual* sebagai sebahagian daripada budaya kehidupan masyarakat tempatan. Walaupun bahasa Melayu (BM) ialah bahasa rasmi, tetapi kaum-kaum lain masih bebas menggunakan bahasa ibunda mereka dalam kehidupan seharian. Justeru itu program-program yang ditayangkan di TV mahupun di pawagam tidak lagi terhad kepada program dalam bahasa Melayu (BM-

bahasa rasmi Malaysia) ataupun rancangan dalam bahasa Inggeris (BI-bahasa kedua) sahaja. Program dalam bahasa Kantonis, Mandarin, Tamil, Hindi dan Arab, malahan rancangan dalam bahasa Jepun, Korea, Thai dan Filipina juga turut menjadi tontonan rakyat Malaysia. Sekiranya jika diperhatikan di kaca televisyen, kita disogokkan dengan pelbagai drama bersiri dari pelbagai negara yang pada suatu ketika dahulu begitu asing bagi kita seperti drama bersiri dalam slot *Telenovela*, slot drama bersiri Latin dan slot drama bersiri Asean. Drama-drama ini mendapat sambutan yang begitu menggalakkan daripada penonton di Malaysia. Menurut statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian Penerangan Malaysia pada 25 Jun 2002 yang dipetik daripada Hasuria (2006, hlm. 28), program yang ditayangkan di RTM1 adalah dalam BM, manakala hanya 23% sahaja dalam program BM yang disiarkan menerusi RTM2. Menerusi keempat-empat saluran televisyen (RTM1, RTM2, TV3 dan NTV7 ketika itu) yang dapat ditonton oleh semua masyarakat di Malaysia, penggunaan BM ialah 54%, BI ialah 41% diikuti bahasa Cina dan bahasa Tamil, masing-masing sebanyak 5%. Walau bagaimanapun, ketika kajian ini dijalankan, terdapat penambahan stesen-stesen TV seperti TV8, TV9, TV AlHijrah dan stesen berbayar ASTRO. Pada masa yang sama, telah juga berlaku banyak perubahan dan penambahbaikan kepada stesen-stesen sedia ada. Dengan perkembangan dan kecanggihan teknologi informasi pada peringkat globalisasi, program asing juga dapat ditonton melalui internet, telefon bimbit dan sebagainya, malahan dapat juga membeli program-program asing ini di kedai-kedai menjual cakera padat (CD) dan cakera padat video (VCD). Antara program asing yang semakin mendapat tempat kalangan penonton di Malaysia ialah filem dan siri animasi dari negara Jepun ataupun lebih dikenali sebagai *anime*. Jikalau dahulunya kita hanya mengenali watak *Popeye The Sailor Man* atau *Mickey Mouse*, kini dominasi itu telah berpindah kepada watak *Doraemon*, *Pokemon* dan *Naruto*. Kepopularan *anime* bukan setakat di Malaysia, malahan telah menular ke Amerika Syarikat, Eropah dan di sebahagian besar Asia.

Oleh kerana itu, banjir program asing ini secara tidak langsung telah membuka satu lagi cabang dalam bidang penterjemahan iaitu penterjemahan audiovisual di Malaysia terutamanya terjemahan sari kata.

Pada hakikatnya, apabila bahasa menjadi penghalang kepada komunikasi antara budaya, alternatif penyelesaian bagi masalah ini ialah terjemahan audiovisual. Terjemahan audiovisual yang terdapat dalam konteks masyarakat Malaysia sekarang bukan lagi senario terjemahan daripada bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu sahaja, tetapi turut melangkaui terjemahan daripada bahasa Melayu kepada bahasa Inggeris dan juga bahasa dunia yang lain seperti bahasa Sepanyol, Brazil, Tagalog, Siam, Arab, Tamil, Hindi dan sebagainya. Menurut Luyken (1991, hlm. 39), terdapat dua cara untuk mengatasi masalah **penghadang bahasa** (*Language Barriers*), iaitu:

- 1) penyuaran semula (*revoicing*) iaitu proses alih suara (*dubbing*) yang bersinkronis dengan gerak bibir, proses suara latar (*voice-over*) dan narasi (*narration*)
- 2) menggunakan sari kata (*subtitle*)

Sementara itu, Wan Amizah (1998, hlm. 1) turut mengemukakan dua cara yang digunakan secara meluas dalam terjemahan audiovisual, iaitu:

- 1) dalam bentuk visual iaitu teks terjemahan yang ditindih di atas gambar dan proses ini dinamakan sari kata,
- 2) dalam bentuk audio iaitu alih suara daripada bahasa sumber kepada bahasa sasaran.

Antara medium terjemahan audio visual yang popular di Malaysia ialah terjemahan sari kata, iaitu proses terjemahan yang melibatkan perkataan atau ujaran, termasuklah dialog, monolog atau suara latar dan seterusnya dipersembahkan dalam bentuk teks yang bertindih pada visual. Menurut Abdullah & Ainon (2001, hlm. 283), filem

mahupun TV berfungsi melalui dua medium deria, iaitu penglihatan (visual) dan pendengaran (audio). Medium visual bagi TV dan filem mengandungi elemen imej yang kekal atau berubah-ubah yang berkisar tentang watak, lokasi, perkembangan peristiwa dan teks. Sementara medium audio pula mengandungi beberapa elemen bunyi seperti muzik, objek (dikenali sebagai kesan bunyi) dan yang paling banyak ialah ujaran yang terdiri daripada elemen bahasa. Dengan kata lain, apabila seseorang menonton filem ataupun TV, terdapat dua sumber maklumat untuk memahami apa yang sedang ditontonnya. Sumber pertama ialah gambar-gambar yang sedang ditayang pada skrin (visual). Umpamanya, penonton memahami pelakon sedang bergaduh dengan hanya melihat aksi pergaduhan. Sumber kedua pula ialah dialog pada skrip yang diperdengarkan kepada penonton (audio). Kombinasi audiovisual ini dipilih, dimantapkan, disesuaikan dan seterusnya dimanipulasikan untuk menyampaikan mesej.

Penterjemahan sari kata secara amnya telah mula digunakan bagi menggantikan *intertitles* selepas 10 tahun pertama filem bisu dihasilkan. Walau bagaimanapun, penggunaannya mula meluas beberapa lama selepas itu. Menurut Cik Wan Ida (2007, hlm. 22-28) pada tahun 1927, seorang penyanyi Asa Joelsan, atau lebih dikenali sebagai Al Jolson, telah menambah satu ujaran pada skrip asal setelah beliau menyanyikan sebuah lagu ketika berlakon dalam filem Warner Brothers, *The Jazz Singer*(1927). Sebelum ini, filem seumpamanya telah dihasilkan dan nyanyian adalah sebahagian daripada kesan bunyi yang diselaraskan dengan lakonan. Ujaran oleh Jolson yang berbunyi “*You ain’t seen nothing yet*” telah menjadi titik tolak perubahan sebuah filem bisu biasa kepada filem bersuara. Filem ini kemudiannya ditayangkan di Paris pada 26 Januari 1929 berserta dengan bunyi dan sari kata bahasa Perancis (Ivarsson, 1992, hlm.99). Seterusnya, tayangan filem berjudul *The Singing Fool* pada 17 Ogos dalam

tahun yang sama, telah disertakan dengan sari kata dalam bahasa Dermark.(Gottlieb, 2002, hlm. 216).

Sebelum wujudnya filem bersuara, unsur kebahasaan dalam sebuah filem terhad pada *intertitles* yang timbul sekali-sekala untuk menerangkan jalan cerita. Pada kebanyakan masa yang lain, sesebuah filem perlu bergantung pada gerak-geri dan mimik muka pelakon dalam penyampaian cerita seperti dalam lakonan mimos. Kecenderungan menghasilkan filem bersuara bermaksud bahawa satu bahasa tertentu akan menguasai sesebuah filem, lalu menjadikannya terhad kepada penonton yang bertutur dalam bahasa berkenaan. Antara kaedah yang digunakan untuk mengatasi had bahasa dengan memaparkan rumusan cerita dalam bentuk *intertitle*, di mana seorang pengulas akan memberikan rumusan cerita dalam bahasa sasaran. Pengulas ini digelar *bonimenteur* di negara Perancis dan *benshi* di negara Jepun (Morris, 2009, hlm. 4). Perancis dan Jepun adalah antara dua negara yang banyak menggunakan kaedah ini. Walau bagaimanapun, tiga kaedah yang didapati berkesan dan sering digunakan dalam mengatasi had bahasa ialah kaedah suara latar, kaedah alih bahasa dan kaedah penarikataan. Kaedah suara latar masih kerap digunakan dalam penyiaran berita dan mendapat sambutan dikalangan negara bekas Kesatuan Soviet, tetapi secara amnya kaedah ini tidak digemari. Kaedah alih suara pula digunakan dengan meluasnya di negara-negara seperti Perancis, Itali, Jerman dan Sepanyol bagi rantau Eropah, sementara di rantau Asia pula dipelopori oleh negara China (Szarkowska, 2005). Pengalihan suara membolehkan mesej dalam filem diolah mengikut keperluan dan permintaan pihak tertentu. Kaedah ini sering digunakan oleh negara-negara yang menggalakkan pembentukan bahasa kebangsaan yang baku dan merupakan langkah sesebuah negara untuk memelihara bahasanya yang dirasakan terancam oleh pengaruh-pengaruh luar. Sungguhpun begitu, kaedah ini memerlukan kos yang agak tinggi berbanding dengan kaedah-kaedah yang lain. Salah satu sebab kos alih

suara tinggi adalah kerana ramai pelakon suara yang diperlukan untuk memainkan suara watak yang berbeza serta perlunya *lip-synch* iaitu keselarasan antara suara ujaran pelakon dan pergerakan mulut pelakon asal.

Kaedah seterusnya yang semakin mendapat perhatian ialah kaedah penarikataan dan kosnya juga lebih murah berbanding kaedah-kaedah yang lain. Teknologi penarikataan kini juga lebih maju dengan adanya perisian komputer yang khusus untuk melakukan penarikataan jika dibandingkan dengan teknik optik, mekanik, terma dan kimia (pada tahun 1930-an) dan teknik laser yang digunakan untuk filem fotografi (yang digunakan dalam tahun 1980-an). Pemerolehan bunyi, gambar dan sari kata secara berasingan daripada media digital, khususnya DVD, membolehkan kepelbagaian dalam pemilihan bunyi dan sari kata (VCD mempunyai pilihan yang terhad tetapi lazimnya bersari kata). Sari kata membolehkan penonton menghayati filem asal dengan gangguan visual yang minimum. Sari kata juga memainkan peranan dalam proses pemerolehan bahasa kerana penonton dapat menyerap cara penggunaan bahasa seperti yang dituturkan oleh pelakon asal/ penutur natif jika dibandingkan dengan kaedah pembelajaran bahasa yang lebih formal. Sebenarnya semasa membaca sari kata, penonton secara tidak sedar akan membandingkan isi kandungan yang disampaikan melalui dua bahasa yang berlainan dalam bentuk audio dan tulisan lalu mempelajari bahasa yang kurang difahami. Faktor inilah yang menjadikan kaedah penarikataan mendapat permintaan yang tinggi. Oleh kerana itu kita dapati orang di negara Norway, Belanda, Norway, Sweden, Denmark, Greece, Slovenia, Croatia, Portugal dan beberapa buah negara bukan Eropah yang biasa menonton program bersari kata dapat mempelajari bahasa Inggeris dengan lebih baik, jika dibandingkan dengan orang di negara Sepanyol, Perancis, Jerman dan Itali yang biasa menonton program dialih suara.

Di Malaysia, sejarah perfileman di Tanah Melayu yang bermula pada sekitar tahun 1930-an telah mencetuskan usaha penyarian kata. Namun begitu menurut Che Wan Ida Rahimah (2007, hlm. 22) masih belum ada catatan yang sah dan boleh diperakukan mengenai tarikh sebenar bermulanya filem Melayu. Menurut pengarah tersohor, Jamil Sulung, pada zaman pemerintahan Jepun, pengeluaran filem Melayu di Singapura yang menjadi pusat industri filem telah dihentikan. Hanya filem dari Jepun sahaja yang ditayangkan dalam bentuk hitam putih. Runut bunyi asal dalam bahasa Jepun (BJ) akan ditutup dan beberapa orang juruhebah lelaki dan perempuan yang ada di pawagam akan menjalani proses alih suara dalam BM bagi menggantikan dialog dalam BJ. Sementara itu, berdasarkan pernyataan Wan Amizah (1998, hlm. 5) sejarah penyarian kata bermula daripada usaha pihak pemilik panggung yang menayangkan filem bersari kata dengan tujuan supaya penonton boleh memahami dialog dan jalan cerita filem asing. Dari segi ekonomi pula, filem bersari kata lebih digemari oleh penonton yang tidak memahami bahasa asal program tersebut. Bagi program TV pula, stesen TV nasional pertama di Malaysia iaitu Radio Televisyen Malaysia (RTM) telah memulakan siaran pada 28 Disember 1963. Berikutan langkah baik pihak swasta dalam industri perfileman yang menayangkan sari kata, maka pihak RTM turut menyiarkan program televisyen yang diberi terjemahan sari kata dan alih suara bermula pada tahun 1967 (Karthigesu, 1994) dan seterusnya langkah ini turut diikuti oleh stesen TV yang lain.

Menurut Wan Amizah (1998, hlm.7), Lembaga Penapis Filem Malaysia telah menguatkuasakan beberapa garis panduan tentang penggunaan BM dalam sari kata filem mulai 31 Ogos 1976.

Antaranya seperti berikut:

- a) Tajuk utama, tajuk-tajuk episod, tajuk-tajuk kredit, kapsyen dan dialog serta sari kata-sari kata dalam apa-apa bukan BM mestilah diterjemahkan dan

disari katakan dalam BM sehingga sekurang-kurangnya 90% daripada perkara-perkara yang tersebut di atas bagi filem cereka dan 80% bagi filem *thriller*.

- b) Seboleh-bolehnya, sari kata dalam BM hendaklah di atas sari kata dalam bahasa-bahasa lain.
- c) Semua sari kata dalam sari kata BM mestilah diterjemahkan dengan nahu yang betul dengan menggunakan sistem ejaan baru.

Peraturan ini termasuk sari kata untuk lagu yang dimainkan dalam filem tersebut dan ringkasan cerita pada permulaan sesebuah filem. Selain itu, nama-nama tempat dan negara hendaklah diterjemahkan dengan sewajarnya. Sungguhpun demikian, penggunaan kependekan dibenarkan asalkan maknanya masih difahami ramai, misalnya kependekan untuk **datang = dtg**, **daripada = drp**, **dengan = dgn** dan sebagainya.

Namun apa yang menjadi persoalannya mengenai kualiti alih suara atau sari kata yang disediakan. Adakah ia benar-benar dapat memberi kepuasan kepada penonton atau sekadar melepaskan batuk di tangga untuk memenuhi syarat sahaja? Bagi merungkaikan persoalan ini, pengkaji mengambil inisiatif untuk melakukan kajian yang berkisar kepada terjemahan sari kata. Oleh kerana ketika ini filem *anime* (animasi) mula popular di Malaysia, jadi pengkaji telah memilih filem anime sebagai sumber kajian dengan memberi tumpuan kepada terjemahan kata kerja.

1.1.2 Anime

Anime adalah perkataan daripada bahasa Jepun yang membawa maksud animasi (Haneda, 2009), iaitu proses yang dilakukan apabila imej statik disiarkan secara berturutan bagi menghasilkan ilusi yang bergerak seperti sesuatu yang hidup. *Doraemon*, *Shin Chan*, *Naruto* dan *Detective Conan* merupakan antara siri animasi yang popular di Malaysia. Walaupun istilah *anime* digunakan dengan begitu meluas di

seluruh dunia sebagai merujuk kepada animasi hasil karya dari Jepun, tetapi di Jepun istilah *anime* hanya bermaksud animasi secara am. *Anime* pada asalnya, hanyalah karya lukisan tangan, tetapi apabila berlakunya revolusi teknologi, *anime* yang dihasilkan kini dibantu oleh teknologi komputer. *Anime* dihasilkan dalam pelbagai genre seperti aksi, pengembaraan, cerita kanak-kanak, komedi, drama dan sebagainya. Berbeza dengan kartun dari barat, penonton *anime* tidak bertumpu dikalangan kanak-kanak sahaja, tetapi juga kepada semua peringkat umur.

Sejarah awal *anime* bermula pada awal tahun 1913, apabila Koichi Junichi dan Kitayama Seitaro menghasilkan filem animasi (*anime*) pendek berjudul “*The First Experiment in Animation*” (Patten, 2004, hlm. 278). Pada awal kemunculan setiap filem *anime* yang ditayangkan berdurasi selama 5 minit dan berkonsepkan filem bisu (Normarlina, 2010, hlm.14). Seterusnya pada tahun 1917, Oten Shimokawa terpaksa menghabiskan masa selama 6 bulan untuk menghasilkan filem *anime* dengan durasi selama 5 minit berjudul “*Imokawa Muzuko Genkanban*”. Pada masa itu penonton hanya memahami cerita yang ingin disampaikan melalui pergerakan watak dan memek muka yang dipaparkan. Pada tahun 1918, filem *anime* yang berjudul “*Saru Kani Kassen*” dan “*Momotaro*” telah dihasilkan oleh Seitaro Kitayama setelah mendapat inspirasi daripada karya-karya sebelumnya. Menurut Poitras (2004, hlm.18) dalam tulisannya bertajuk *Anime Essentials: Everything a Fan Needs to Know*, bertitik tolak daripada sinilah lebih ramai lagi animator yang telah muncul dengan menampilkan karya-karya kreatif mereka seperti Sanae Yamamoto yang menghasilkan karya berjudul “*Obatsuyama*” pada tahun 1924, Noboro Ofuji pula dengan karyanya “*Saiyuki*” (1924) dan “*Urashima Taro*” (1928). Sementara itu, idea untuk menghasilkan karya yang mempunyai sekuel tercetus apabila karya-karya seperti “*Sarugashima*” (1930) dan “*Kaizoku-bune*” dihasilkan. Noburo Ofuji pula telah melakukan inovasi yang besar

dalam industri *anime* apabila berjaya menghasilkan *anime* yang mempunyai muzik latar dengan karya “*Kujira*” pada tahun 1927 dan *anime* yang bersuara dengan karya “*Kuro Nyago*” pada tahun 1930. Perkembangan demi perkembangan yang dicapai sehingga ke hari ini apabila *anime* mempelopori industri animasi dunia. Tambah Poitras (2004) lagi, antara tokoh animator yang terkenal pada era moden *anime* ialah Osamu Tezuka. Antara karya beliau yang paling berjaya ialah “*Tetsuwan Atom*” atau lebih dikenali sebagai “*Astro Boy*”, apabila telah dipasarkan ke pasaran antarabangsa terutamanya ke pasaran Amerika Syarikat. Karya ini juga telah diterjemahkan kepada beberapa bahasa utama dunia seperti Inggeris.

Sehubungan itu, menurut Haneda (2009) dalam artikelnya *The Cultural Transfer in Anime Translations*, *anime* mula memasuki pasaran luar Jepun pada tahun 1960-an iaitu kira-kira 50 tahun yang lalu. Ia kemudiannya telah berkembang dengan pesatnya di antara tahun 1980-an hingga tahun 1990-an, dimana ketika itu kejayaan besar *anime* bersiri “*Pokémon*” (*Pokémon; Pocket Monster*) yang telah di tayangkan di 70 buah negara. Pada tahun 2005, dianggarkan 60% daripada program kartun yang bersiaran di seluruh dunia adalah daripada Jepun (JETRO, 2005 dalam Haneda, 2009). Pasaran *anime* ke Amerika Syarikat sahaja telah mencecah USD 4.35 billion dan kemudiannya berjaya memasuki pasaran Asia, Eropah dan Amerika Latin. Walau bagaimanapun, Amerika Syarikat merupakan tumpuan utama pasaran. Mengikut laporan *The Japan External Trade Organization*, sebagaimana yang dipetik daripada Zaitun (2006, hlm.43) berdasarkan kenyataan oleh Lovgren (2003) bahawa terdapat 10 juta peminat filem dan siri *anime* di seluruh dunia dan lebih 30,000 laman sesawang mengenai *anime*. Malahan menurut Lovgren (2003) filem dan siri *anime* ini dapat menarik minat bukan sahaja kanak-kanak, bahkan juga golongan dewasa kerana ia menggunakan teknik imaginasi yang tinggi dan tema yang mensasarkan kepada golongan dewasa serta teknik

penceritaan yang tidak konvensional. Untuk pasaran luar Jepun, syarikat pengedar perlu melakukan proses *localization* (pensetempatan) supaya *anime* yang dipasarkan dapat memenuhi keperluan pasaran. Antaranya ialah proses alih suara dan penambahan sari kata. Malahan kadang-kala turut melakukan proses penyuntingan sekiranya terdapatnya unsur-unsur yang sensitif dan bercanggah dengan budaya dan undang-undang negara pasaran.

Apabila *anime* mula memasuki pasaran antarabangsa sekitar tahun 1960-an, kebanyakan pihak syarikat pengedaran telah berinisiatif untuk membuat proses alih suara atau penambahan sari kata mengikut bahasa negara *anime* itu akan di pasarkan. Di Malaysia juga, *anime* dapat ditonton melalui kedua-dua kaedah tersebut iaitu dengan alih suara atau sari kata. Penggunaan alih suara digunakan untuk penonton kanak-kanak dalam *anime* seperti *Doraemon*, *Kiteretsu* dan *Pokemon*. Manakala penggunaan sari kata digunakan untuk *anime* seperti *Naruto*, *Bleach* dan *Dragon Ball* bagi penonton sasarannya yang terdiri daripada golongan remaja.

Anime yang awal seperti *Doraemon* telah mendapat sambutan yang baik semenjak awal 1990-an, sewaktu disiarkan di RTM (sekarang disiarkan di NTV7) (Normarlina, 2010, hlm.46). TV3 dan NTV7 meneruskan kegemilangan *anime* di TV Malaysia dengan menyiarkan *Cardcaptor Sakura*, *Slam Dunk* dan *Crayon Shin-chan* sekitar tahun 2000. Sehingga kini, masih terdapat pelbagai siri *anime* disiarkan di televisyen Malaysia, seperti *Naruto* (2003) di TV3 dan *Gundam Seed* di TV2. Kebanyakan siri-siri *anime* ini telah dialih suara ke BM oleh Syarikat Filem Karya Nusa. Terdapat juga siri *anime* yang lain di Malaysia seperti *Hatsume Boy Kanipan* dan *Mirmo Zibang*. Sebuah majalah *anime* tempatan turut dihasilkan iaitu majalah *Starz*.

Akhbar *The Star* keluaran setiap hari Ahad menyediakan satu ruangan khas untuk peminat-peminat *anime* dan *manga* (komik Jepun) yang dikenali sebagai *Otakuzone* yang memberi maklumat terkini tentang *anime* dan *manga* seperti senarai 10 *anime* yang paling popular sepanjang minggu. Oleh kerana ketika ini boleh dikatakan *anime* telah memecah populariti animasi-animasi dari Amerika Syarikat sehingga stesen TV kabel berbayar ASTRO telah menambah satu saluran khas, iaitu saluran 715 Animax pada 31 Ogos 2006. Sementara itu pada 3 Januari 2007, stesen NTV7 pula telah memperkenalkan slot *midnight anime* yang menayangkan *anime* seperti *Trinity Blood* dan *Shakugan no Shana* dalam bahasa asalnya dengan sari kata BM. Waktu tayangannya ialah pada setiap Rabu hingga Jumaat pada pukul 12:15 tengah malam.

1.2 PENYATAAN MASALAH

Maklumat dalam sari kata ialah maklumat yang tidak dapat diketahui oleh penonton melalui apa yang ditonton seperti bahasa dialog yang berlainan dengan bahasa penonton, tetapi bagaimana medium sari kata ini dapat memainkan peranannya dan setepat mana mesej yang dapat disampaikan oleh sari kata masih menjadi tanda tanya. Apakah penggunaan bahasa sari kata benar-benar dapat difahami dan dihayati oleh penonton bahasa sasaran sebagaimana penonton bahasa asal? Pengkaji sendiri pernah terbaca satu aduan melalui Khidmat Panggilan Ringkas (SMS) daripada penonton yang meminati drama bersiri Korea dalam akhbar *Kosmo* bertarikh 21 Julai 2006 (Jumaat) yang berbunyi seperti berikut:

Mengapakah sari kata bahasa Melayu dalam drama Korea amat teruk sekali?

Kebanyakannya tiada dalam kamus Dewan Bahasa- EJ

(Kosmo, 21 Julai 2006)

Ini adalah salah satu bukti yang menunjukkan kepada kita bahawa kualiti sari kata yang lemah terdapat di kaca-kaca televisyen di Malaysia. Malahan perkara ini telah diakui sendiri oleh Shahrudin Ali, Pengurus Besar, Institut Terjemahan Negara Malaysia (ITNM) yang kini dikenali sebagai Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM) dalam kertas kerjanya yang bertajuk, *Cabaran, Inisiatif dan Dasar Penterjemahan dan Globalisasi Ilmu : Perspektif ITNM*:

Salah satu cabaran ITNM ialah aspek sari kata kerana ia merupakan antara bentuk terjemahan yang paling popular dibaca setiap hari tetapi kurang diberi perhatian sewajarnya. Walaupun mutu sari kata televisyen sudah menampakkan sedikit peningkatan, namun mutu sari kata filem di pawagam dan video secara umumnya didapati masih lemah. (Shahrudin Ali, (2005, hlm.15)

Sebagai sebuah badan tunggal yang menyelaraskan hal ehwal terjemahan, ITBM merancang untuk mengawal dan memantau sari kata agar penggunaan sari kata yang baik dapat dilaksanakan dengan lebih menyeluruh dan tersusun di seluruh negara. Penulisan sari kata di Malaysia walaupun amat popular tetapi agak lemah dan tidak mempunyai sebarang garis panduan yang jelas.

Dalam terjemahan sari kata dalam drama bahasa Jepun misalnya, pengkaji pernah terjumpa beberapa kesilapan terjemahan oleh penyari kata. Berikut adalah tiga terjemahan sari kata yang terdapat dalam drama bersiri Jepun, *Journey to The West* yang disiarkan oleh TV 8 pada hari Sabtu jam 6:00pm,

Jadual 1.1 : 3 Perkataan BJ dan Padanan BM dalam *Journey to The West*

Bil	Perkataan dalam BJ	Padanan dalam BM
1	<i>kechi</i> けち	sikecil hati
2	<i>ganbatte</i> 頑張って	berusahalah
3	<i>uragiru</i> 裏切る	menderhaka

Perkataan kata sifat *kechi* tidak berapa tepat diterjemahkan sebagai *sikecil hati* tetapi sebagai *kedekut/ lokek* kerana itulah sifat seorang yang dikatakan *kechi*. Ungkapan *ganbatte* sering diucapkan kepada orang yang sedang berusaha dalam mencapai suatu kejayaan/kemenangan. Ucapan *ganbatte* memang bermaksud *berusahalah* tetapi agak janggal apabila diterjemahkan *berusahalah* sebagai ungkapan ucapan kepada seseorang. Ucapan yang seumpamanya dalam bahasa Melayu yang mempunyai maksud yang hampir sama iaitu *Selamat Berjaya* atau *Semoga Berjaya*. Kata kerja *uragiru* pula agak keterlaluan untuk diterjemahkan sebagai *menderhaka* kerana perbuatan *menderhaka* selalunya dilakukan oleh rakyat kepada pemerintah atau anak kepada ibu bapa. Sementara *uragiru* ini ialah perbuatan mengecewakan harapan kekasih dengan mengahwini orang lain, jadi lebih tepat *uragiru* diterjemahkan sebagai *curang/khianati*.

Seorang penyari kata yang baik haruslah bijak membuat pilihan perkataan yang betul-betul tepat supaya mesej dan makna dapat disampaikan sama seperti teks sumber dengan *moodnya* yang juga dapat dikekalkan atau dalam kata lain, kepuasan tontonan itu sama bagi penonton bahasa sumber dan penonton bahasa sasaran. Walau bagaimanapun, ini bukan sesuatu perkara yang mudah dalam terjemahan sari kata yang mempunyai pelbagai hambatan dan kekangan. Penguasaan bahasa sumber dan bahasa sasaran yang baik amat perlu. Pengolahan ayat yang baik dengan tatabahasa yang betul dan struktur ayat yang tepat berdasarkan konteks, plot segmen turut menjadi keutamaan.

Sebagai contoh, dalam terjemahan sari kata bahasa Melayu dalam program berbahasa Jepun, untuk menterjemah sesuatu kata kerja misalnya, penyari kata mestilah benar-benar bijak, mahir dan berpengetahuan luas. Ini kerana penggunaan kata kerja dalam bahasa Jepun banyak melibatkan faktor sosiolinguistik seperti ungkapan ‘memberi’ dan ‘menerima’ (授受表現-*Jujuhyougen*). Kata kerja ‘memberi’ mempunyai sekurang-kurangnya lima ungkapan dalam bahasa Jepun iaitu あげる (*ageru*), さしあげる (*sashiageru*), やる (*yaru*), 下さる (*kudasaru*) dan くれる (*kureru*). Sementara terdapat dua ungkapan untuk kata kerja ‘menerima’ iaitu いただく (*itadaku*) dan もらう (*morau*). Pemilihan ungkapan ini adalah bergantung kepada i) sama ada pemindahan barangan/perbuatan diperjelaskan sebagai memberi atau menerima, ii) di mana kedudukan penutur dalam perlakuan memberi atau menerima, dan iii) status sosial apakah yang di pegang oleh mereka yang terlibat dalam perlakuan memberi atau menerima (Tsujimura, 1996, hlm.334). Ini bermakna pemilihan ungkapan selain bergantung kepada perlakuan itu sendiri, ia juga menggambarkan kedudukan status sosial, sikap hormat dan nilai-nilai kesantunan yang terdapat dalam masyarakat Jepun. Perkara ini tidak wujud dalam bahasa lain menyebabkan berlaku kesukaran dalam menterjemahkan kata kerja ini. Justeru itu menurut Normalis Amzah (2010, hlm. 47-67), kaedah terjemahan literal paling kerap digunakan dalam menterjemah ungkapan ‘memberi’ dan ‘menerima’. Hasil terjemahan ini menurut beliau lagi didapati hanya mampu menterjemah makna denotasi sekaligus mengekalkan bentuk koheren, namun tidak mampu menggambarkan unsur budaya dalam teks terjemahan.

Secara amnya penterjemahan merupakan proses pemindahan mesej daripada satu bahasa ke satu bahasa yang lain dengan memastikan kesepadanan makna dan bentuk pada tahap yang tertinggi supaya boleh mendapatkan persamaan reaksi yang sama.

Proses ini bukan sesuatu perkara yang mudah kerana ia melibatkan dua bahasa yang berbeza. Setiap bahasa mempunyai keistimewaannya masing-masing. Sudah tentu setiap daripada bahasa ini mempunyai gayanya yang tersendiri dalam mengekspresikan sesuatu perkara. Sebagaimana penjelasan Culler (1976) dalam pernyataan beliau bahawa ,

..of one language may differ radically from those of another...Each language articulates or organizes the world differently. Languages do not simply name existing categories, they articulate their own.

Culler (1976, hlm. 21-22)

Perbezaan dan keistimewaan dalam setiap bahasa hakikatnya boleh membawa kepada kesukaran untuk mencari padanan kata yang tepat yang dapat menggantikan sesuatu unsur dalam teks asal. Apatah lagi sekiranya penterjemahan ini melibatkan dua bahasa bukan daripada rumpun bahasa yang sama seperti BM dan BJ. Perbezaan ini sudah pasti menyebabkan pelbagai ketidaksetaraan. Contoh dalam terjemahan kata kerja BJ kepada BM, terdapat kata kerja BJ yang begitu terperinci dalam menerangkan sesuatu perbuatan (Abe, 1997). Sekiranya dalam BM, kata kerja ‘pakai’ diguna untuk menerangkan perbuatan ‘**memakai** topi’, ‘**memakai** cermin mata’ dan ‘**memakai** skaf’ . Berlainan pula keadaannya dalam BJ, di mana kata kerja yang digunakan berbeza-beza bergantung pada bahagian badan mana ia dipakai seperti 帽子をかぶる (*Boushi o kaburu*) untuk ‘memakai topi’, めがねをかける (*Megane o kakeru*) untuk ‘memakai cermin mata’ dan スカーフを巻く (*Sukaafu o maku*) untuk ‘memakai skaf’. Ini bermakna untuk satu kata kerja BM ‘memakai’ terdapat tiga padanan kata kerja dalam BJ iaitu *kaburu*, *kakeru* dan *maku*. Pemilihan padanan yang tepat adalah tanggung jawab penyari kata/ penterjemah untuk melakukannya dengan bijak.

Menurut seorang penyari kata yang berpengalaman Noor Kahiriah Mohd Nor (2007, hlm. 4), penyari kata perlu mengkayakan diri dengan perbendaharaan kata kerana

mereka akan berhadapan dengan ayat-ayat berbeza konteksnya. Perbendaharaan kata yang luas bukan sahaja membantu mendapatkan padanan yang paling tepat malah mempercepatkan tugas.

Sehubungan itu, tambah beliau lagi, penyari kata yang baik juga seharusnya mempunyai asas yang baik (dari segi lisan dan penulisan) dalam kedua-dua bahasa sumber dan bahasa sasaran bagi menghasilkan terjemahan yang baik. Misalnya dalam contoh berikut;

(F1-59) 修学旅行中止についての意見を書くこと
(*shuugaku ryokou chuushi ni tsuite no iken o kaku koto*)

→ Tuliskan cadangan kamu tentang batalan lawatan sekolah itu.

(terjemahan tepat)

→ Tuliskan komen kamu tentang pembatalan lawatan sekolah itu.

Penggunaan imbuhan dan pemilihan kosa yang kurang sesuai telah menyebabkan ayat terjemahan di atas menjadi janggal. Kesilapan ini berlaku berkemungkinan disebabkan kelemahan penyari kata dalam penguasaan bahasa sasaran.

Selain itu, berbeza dengan penterjemah teks biasa (bertulis), cabaran utama penyari kata ialah untuk menterjemah dengan kekangan ruang dan had masa tertentu. Penyari kata perlu memastikan mesej yang disampaikan itu tepat sekaligus perlu mematuhi ruang dan had masa yang telah ditetapkan. Justeru itu kemahiran dalam pengolahan dan penyuntingan juga perlu bagi seorang penyari kata untuk memastikan mesej yang ingin disampaikan itu tepat dan sejadi. Dalam hal ini, penyari kata mungkin berdepan dengan situasi di mana dia perlu melonggarkan sedikit hukum tatabahasa. Namun sejauh manakah hukum tatabahasa ini dapat dikorbankan? Semuanya terletak di tangan penyari kata.

Berdasarkan beberapa senario permasalahan yang telah ketengahkan di atas, pengkaji merasakan masih banyak lagi ruang yang belum diterokai dalam menyelesaikan permasalahan terjemahan iaitu untuk mencari padanan yang tepat dan sejadi khususnya dalam terjemahan sari kata.

Kajian-kajian yang berkaitan dengan terjemahan BJ kepada BM telah banyak di lakukan. Bahan-bahan terjemahan yang dikaji melibatkan terjemahan buku-buku sastera dan drama-drama termasuk terjemahan sari kata. Antaranya ialah kajian Maserah (2005) yang bertajuk *Unsur Sosio-Budaya dalam Terjemahan Sari Kata di Media Massa: Satu Kajian Kes* tentang penggunaan unsur-unsur sosio-budaya dalam terjemahan sari kata drama bersiri BJ yang bertajuk *Suzuran* yang pernah ditayangkan di televisyen. Zaiton (2006) dengan kajian, *Analisis Sari Kata Bahasa Melayu dalam Filem Animasi Jepun* yang meninjau ciri-ciri penyampaian sari kata BM dalam filem animasi Jepun *Spirited Away (Sen to Chihiro Kamikakushi)*. Dan Normalis (2008) dengan kajian bertajuk *Unsur Budaya Dalam Terjemahan Bahasa Jepun Ke Bahasa Melayu : Analisis Karya Konosuke Matsushita* yang mengupas kewujudan unsur-unsur budaya dalam teks pengurusan daripada BJ ke BM. Namun kebanyakan daripada kajian-kajian ini memberi fokus kepada keseluruhan bahan terjemahan seperti kaedah atau strategi penterjemahan, masalah penterjemahan dan unsur-unsur budaya dalam penterjemahan. Belum ada lagi kajian yang melibatkan terjemahan yang memberi pengkhususan kepada aspek-aspek tertentu seperti terjemahan kata kerja.

Justeru itu, adalah satu langkah yang tepat untuk pengkaji memenuhi kelompongan yang ada dengan menjalankan satu penyelidikan berkaitan penterjemahan yang memberi pengkhususan kepada terjemahan kata kerja bahasa Jepun kepada bahasa Melayu. Kajian akan dilakukan dengan membandingkan kata kerja BM dalam sari kata BM dengan kata kerja BJ dalam kapsyen BJ yang terdapat dalam dua filem animasi

Jepun. Kajian ini melihat keadaan pepadanan kata kerja (bentuk morfologi), strategi-strategi penterjemahan kata kerja serta pengaruh budaya dalam pemilihan padanan dalam terjemahan BJ kepada BM.

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Berdasarkan permasalahan yang telah dibincangkan sebelum ini, pengkaji telah menggariskan lima objektif yang sejajar dengan lima persoalan yang harus dijawab seperti berikut;

1. Mengenalpasti pola variasi kata kerja dalam kapsyen bahasa Jepun berbanding variasi pola kata kerja dalam sari kata bahasa Melayu.
2. Menganalisis sejauh manakah bentuk kata kerja yang paling banyak digunakan dalam kapsyen bahasa Jepun mempengaruhi bentuk kata kerja bahasa Melayu yang paling banyak digunakan dalam sari kata.
3. Menyiasat perkaitan antara konjugasi kata kerja bahasa Jepun dan padanan bahasa Melayu dalam penterjemahan sari kata.
4. Menghuraikan bagaimanakah kata kerja bahasa Jepun diterjemahkan ke bahasa Melayu dalam dua filem animasi Jepun.
5. Mencadangkan padanan kata kerja bahasa Melayu yang sesuai sekiranya berlaku ketidakpadanan makna.

1.4 SOALAN-SOALAN KAJIAN

Berdasarkan objektif penyelidikan kajian di atas, soalan-soalan kajian ini adalah seperti berikut:

1. Apakah pola variasi kata kerja dalam kapsyen bahasa Jepun berbanding pola variasi kata kerja dalam sari kata bahasa Melayu?
2. Sejauh manakah bentuk kata kerja yang paling banyak digunakan dalam kapsyen bahasa Jepun yang mempengaruhi bentuk kata kerja bahasa Melayu yang paling banyak digunakan dalam sari kata ?
3. Sejauh manakah perkaitan antara konjugasi kata kerja bahasa Jepun dan padanan bahasa Melayu dalam penterjemahan sari kata?
4. Bagaimanakah kata kerja bahasa Jepun diterjemahkan ke bahasa Melayu dalam dua filem animasi Jepun?
5. Apakah cadangan padanan kata kerja bahasa Melayu yang sesuai sekiranya berlaku ketidakpadanan makna?

1.5 SKOP KAJIAN

Memandangkan kajian ini begitu terhad kepada aspek bentuk morfologi dan makna kajian, pengkaji telah membataskan kajian ini kepada perkara- perkara berikut:

1.5.1 Skop Kajian

Skop kajian ini adalah terjemahan audiovisual. Terjemahan audiovisual merupakan proses terjemahan yang melibatkan hasil atau produk yang disiarkan melalui medium elektronik seperti TV, wayang gambar, video dan komputer (Karamitroglou, 2000). Dalam era globalisasi dan komunikasi global, media memainkan peranan yang penting.

Dengan perkembangan TV satelit, ditambah dengan kecanggihan sistem teknologi informasi seperti internet, telah menjadikan dunia semakin kecil dan tiada sempadan. Senario ini telah membenarkan interaksi sesama individu tanpa mengira bahasa dan budaya. Justeru itu, apabila elemen kebahasaan didapati menjadi halangan kepada komunikasi, maka alternatif untuk menyelesaikan masalah ini adalah dengan penterjemahan atau juga dikenali sebagai pemindahan bahasa (*language transfer*).

Luyken (1991, dalam Hasuria 2006, hlm.30) mencadangkan:

“...cara yang digunakan bagi membolehkan program filem atau televisyen difahami oleh audiens sasaran yang tidak biasa dengan bahasa sumber yang digunakan untuk menghasilkan teks asal. Pemindahan bahasa boleh dilakukan pertama, dalam bentuk visual (iaitu teks yang dihasilkan ditindan pada skrin, dan dikenali sebagai sari kata); kedua dalam bentuk aural (iaitu suara asal dalam filem atau program televisyen diganti dengan suara yang baru). (Hasuria, 2006, hlm.30)


Oleh kerana terjemahan terhadap produk-produk audiovisual mempunyai proses, kos dan hasil yang berbeza, sarjana bidang terjemahan mengkategorikan terjemahan audiovisual kepada alih bahasa, sari kata, kapsyen dan suara latar. Namun demikian, pendekatan alih suara dan sari kata adalah kaedah yang popular dan dilakukan dengan meluas dalam terjemahan filem, TV dan video seperti yang dijelaskan oleh Gottlieb (1998):

“Since 1929, when the first sound films reached an international audience, two methods of film translation have been dominant: subtitling and dubbing.”
(Gottlieb, 1998, hlm.244)

Justeru itu, kedua-kedua pendekatan ini kerap menjadi topik perbincangan dalam kajian berkaitan terjemahan audiovisual. Alih suara ialah proses terjemahan dialog pertuturan bahasa sumber kepada dialog pertuturan bahasa sasaran dalam bentuk audio. Manakala sari kata pula adalah pendekatan terjemahan dialog pertuturan bahasa sumber yang diterjemahkan kepada bahasa sasaran dalam medium berbeza iaitu medium teks bertulis. Pendekatan alih suara memerlukan tenaga kerja yang lebih ramai dan profesional, kos yang tinggi dan masa yang lebih panjang berbanding penghasilan sari kata. (Baker, 1998; Gottlieb, 1998.).

1.5.2 Tumpuan Kajian

Kajian ini bertumpu kepada bentuk morfologi dan strategi terjemahan kata kerja bahasa Jepun (BJ) ke kata kerja bahasa Melayu (BM) dalam sari kata filem animasi Jepun terpilih. Pengkaji memilih terjemahan sari kata kerana sari kata sememangnya merupakan salah satu bentuk terjemahan, namun definisi konsep sari kata yang diperoleh memperlihatkan bahawa sari kata turut memiliki perbezaan yang jelas berbanding terjemahan bertulis bentuk biasa. Berikut ditunjukkan perbezaan kedua-dua bentuk terjemahan tersebut oleh Che Wan Ida Rahimah (2007, hlm.44), iaitu terjemahan biasa (teks bertulis) dan terjemahan sari kata. Perbezaan wujud kerana kelainan perantaraan antara kedua-dua bentuk terjemahan tersebut yang boleh diringkaskan seperti Rajah 1.1:



**Rajah 1.1 : Perbezaan Terjemahan Biasa dan Terjemahan Sari Kata
(Che Wan Ida Rahimah, 2007, hlm. 44)**

Rajah 1.1 menunjukkan bahawa terjemahan biasa melibatkan bentuk teks yang berubah kepada teks (hasil akhir). Sari kata pula berasal daripada bentuk lisan atau tulisan (berdasarkan skrip) yang lebih tepatnya ialah bentuk audiovisual dan berubah kepada hasil akhir dalam bentuk teks bertulis dengan kekangan ruang dan masa penyarikataan.

Antara elemen audiovisual bagi sari kata termasuk elemen-elemen berikut:

- i) Elemen audio verbal: dialog, suara latar atau lirik;
- ii) Elemen bukan verbal: kesan muzik dan bunyi;
- iii) Elemen visual verbal: kapsyen dan simbol bertulis pada imej;
- iv) Elemen visual bukan verbal: komposisi gambar dan pergerakannya.

Sari kata merupakan salah satu aplikasi terjemahan yang paling dominan bagi konteks masyarakat Malaysia pada hari ini. Secara khususnya, sari kata boleh didefinisikan sebagai;

- i. Terjemahan dialog serta maklumat lain yang sekurang-kurangnya melibatkan dua elemen misalnya bahasa ujaran dan bahasa bertulis.
- ii. Wujud secara bersinkroni dengan ujaran sumber (ditindan di atas skrin serentak

dengan pertuturan daripada bahasa sumber);

- iii. Bahan bertulis lazimnya dipaparkan satu atau dua baris di bahagian bawah skrin;
- iv. Elemen sampingan mengekalkan semua simbol bunyi (misalnya runut bunyi asal termasuk muzik, kesan bunyi, ujaran sumber) sama seperti dalam rancangan sumbernya.
- v. Terjemahan secara langsung (berdasarkan bahasa asal bukan bahasa perantara atau bahasa titik tumpu (pivot)).

Sementara itu, kajian ini juga memberi fokus kepada terjemahan sari kata interlingual yang melibatkan pemindahan antara dua bahasa iaitu bahasa sumber (SL) dan bahasa sasaran (TL). Sari kata disediakan untuk penonton yang tidak memahami bahasa yang digunakan dalam program.

1.5.3 Sumber Kajian

Sumber kajian ini ialah sari kata BM yang diambil daripada dua buah filem *anime* terbitan Ghibli Studio iaitu syarikat penerbitan filem *anime* terkemuka di Jepun. Karya yang pernah menerima anugerah “The Animage Grand Prix Award” iaitu filem *Majo no Takkyubin* 魔女の宅急便 (Kiki’s Delivery Service) iaitu pada tahun 1989 dan filem terbitan tahun 1993 yang telah menerima 4/5 bintang daripada laman sesawang Animé Café iaitu *Umi ga Kikoeru* 海が聞こえる ((I Can Hear the Sea/Ocean Wave). Walaupun filem ini telah diterbitkan lebih kurang dua dekad yang lalu, namun ia masih ditonton sehingga sekarang. Filem-filem ini juga masih ditayangkan oleh persatuan-persatuan bahasa dan budaya Jepun di seluruh dunia dengan tujuan memperkenalkan dan mempelajari bahasa dan budaya Jepun.

Kajian mengenai sari kata di Malaysia masih terlalu baru dan kajian yang ada pula lebih bertumpu kepada sari kata program TV (termasuk dokumentari, drama, sitcom dan sebagainya) seperti kajian-kajian oleh Wan Amizah (1998), Hasuria (2006) dan Maserah (2005). Oleh itu, sudah tentu program TV mempunyai lebih ramai penonton dan boleh ditonton oleh segenap masyarakat yang memiliki set TV di rumah mereka. Sari kata di TV juga lebih banyak dihasilkan memandangkan jumlah jam siaran yang ke udara setiap minggu. Selain itu, maklumat bagi program TV, termasuk rakaman visual dan salinan skrip, lebih mudah didapati berbanding filem dan video. Justeru itu, pengkaji merasakan bahawa menjadi tanggungjawab bagi pengkaji untuk menempuh segala cabaran yang ada dengan menjalankan kajian terhadap sari kata filem (dalam bentuk video), kerana dengan perkembangan dunia sekarang, sari kata filem juga tidak harus dipandang ringan.

Sementara itu, filem *anime* dipilih kerana kepopularannya. Sebagaimana yang telah pengkaji terangkan sebelum ini, kalau dahulu negara Jepun dikagumi kerana perkembangan ekonomi yang pesat, tetapi kini negara matahari terbit itu disebut-sebut kerana pengaruh *manga* (komik manga) dan *animenya*.

Parker dalam Fukunaga (2006, hlm. 206–222) menyarankan bahawa pembelajaran BJ:

...used to be a smart choice for ambitious, business-minded college students, and is now about cool pop culture, through comics, street fashion and animated movies called anime.

(Fukunaga, 2006, hlm. 206–222)

Keadaan yang sama juga sebenarnya berlaku di tempat pengkaji bekerja. Kebanyakan pelajar yang datang untuk mempelajari BJ kerana minat dan sikap ‘ingin tahu’ lebih mendalam tentang bahasa dan budaya Jepun setelah mereka membaca *manga* atau menonton filem *anime*. Perkembangan *anime* di peringkat global secara tidak langsung

telah menyumbang kepada pertukaran antara budaya (*intercultural exchanges*) yang melangkaui halangan bahasa dan budaya. Sementara itu, hasil kajian oleh Standish (1998) yang dipetik oleh Furo (1998 hlm. 142) dalam mencari punca kepopularan *anime* telah mendapati bahawa percanggahan antara alam realiti dan mistik yang ada dalam *anime* telah memberi kebebasan dan ilusi sementara kepada penonton dan ia merupakan tarikan utama peminat kepada *anime*.

1.5.4 Sampel Kajian

Sampel kajian ini ialah semua kata kerja yang diambil daripada transkripsi kapsyen BJ sejumlah 1003 kata kerja BJ daripada dua buah filem iaitu filem *Majo no Takkyubin* (Kiki's Delivery Service) dan filem *Umi ga Kikoeru* (I Can Hear the Sea/Ocean Wave) dengan padanan maknanya sejumlah 547 kata kerja BM yang terdapat dalam teks sari kata BM. Pengkaji memberi fokus kepada makna dan bentuk morfologi kata kerja. Variasi bentuk kata kerja (konjugasi untuk kata kerja BJ dan imbuhan untuk kata kerja BM) antara bahasa sumber (BJ) dan bahasa sasaran (BM) di bandingkan dan dianalisis untuk melihat perkaitan antaranya. Selain daripada itu, proses penarikatan turut diperhati dan dikaji untuk mengetahui bagaimana padanan dipilih. Contoh kata kerja dipilih secara rawak berdasarkan bentuk dan ciri-ciri yang terdapat padanya.

Sebab utama pengkaji memilih kata kerja sebagai sampel adalah kata kerja merupakan satu kelas kata yang paling memberi impak dalam menceritakan pengalaman realiti yang dilalui oleh setiap manusia. Tambahan pula, kata kerja merupakan aspek yang sentiasa menjadi isu dalam pengajaran dan pembelajaran di kalangan pengajar dan pelajar bahasa, seperti yang pernah dinyatakan oleh Kendris dalam kamus Perancis dan Sepanyolnya iaitu, "Kata kerja sering kali menjadi masalah yang besar kepada pelajar, walaupun pelbagai sistem dan pendekatan yang digunakan oleh guru-guru" (Kendris, 1968, p. vii - terjemahan pengkaji).

Tambahan lagi, ternyata belum ada kajian tentang masalah kepadanan kata kerja dalam penterjemahan teks BJ ke teks BM. Kemungkinan masalah yang wujud dalam penterjemahan BJ ke BM belum dapat diketahui. Oleh itu, kajian ini ingin membuka jalan untuk menerokainya dan menelitinya serta mendapatkan gambaran yang jelas tentang kepadanan kata kerja dalam penterjemahan daripada BJ kepada BM khasnya dalam penterjemahan sari kata.

1.6 LIMITASI KAJIAN

Memandangkan kajian ini juga dilakukan secara penyelidikan deskriptif, maka sudah tentu terdapat beberapa batasan dalam kajian ini. Ini bertujuan supaya kajian ini memberi tumpuan yang lebih menyeluruh terhadap skop kajian dan dalam masa yang sama membuka ruang untuk kajian lain dengan lebih lanjut terhadap bidang penterjemahan sari kata.

Pertama, kajian ini memberi tumpuan kepada aspek terjemahan sari kata filem *anime* yang telah diterbitkan dalam bentuk DVD sahaja, tidak termasuk filem *anime* yang ditayangkan di kaca televisyen. Sebelum diterbitkan dalam bentuk DVD, filem-filem *anime* ini pernah ditayangkan di pawagam-pawagam di Jepun. Oleh kerana pengkaji tidak berjaya mendapat dua skrip asal filem *anime* bagi kajian ini, maka pengkaji terpaksa melakukan transkripsi kapsyen dua filem anime tersebut terlebih dahulu. Dengan adanya terbitan dalam bentuk DVD lebih memudahkan pengkaji melakukan tontonan ulangan semasa mencari dan mendapatkan data kajian. Tanpa pengulangan tontonan, penulis mendapati banyak data terlepas dan tercicir kerana setiap sari kata hanya disiarkan beberapa saat sahaja di skrin. Dengan penggunaan DVD, pengkaji

dapat memberhentikan penyiaran drama ini dan menyalin data yang bersesuaian untuk kajian ini.

Di samping itu, kajian ini juga terbatas kepada terjemahan sari kata BM sahaja dengan audio dalam bahasa sumber (BJ) sahaja, walaupun DVD filem-filem *anime* yang digunakan mempunyai kepelbagaian audio dan sari kata seperti bahasa Inggeris, bahasa Mandarin dan bahasa Melayu. Pengambilan data dilakukan dengan membuat transkripsi kapsyen bahasa sumber dan sari kata BM yang memberi fokus kepada padanan makna kata kerja kedua-dua bahasa (BJ dan BM).

Tidak lupa juga, pengkaji memastikan yang DVD yang dibeli di kedai muzik itu adalah salinan yang asal dan telah diluluskan oleh Lembaga Penapisan Filem Malaysia. Ini adalah penting kerana jika DVD yang dibeli itu bukan yang asal, berkemungkinan besar akan terdapat kekurangan pada video tersebut seperti audio yang tidak lancar dan kekaburan visual. Lembaga Penapisan Filem Malaysia pula bertanggung jawab dalam menentukan sama ada video ini sesuai dengan sensitiviti khalayak penonton di Malaysia. Pengkaji juga turut memastikan bahawa pengedar video ini adalah pengedar yang sah, kerana pengedarlah yang memastikan bahawa setiap filem *anime* Jepun dalam bentuk DVD mempunyai teks sari kata dalam BM untuk tontonan warga Malaysia. Sari kata yang disediakan pula haruslah bersesuaian dengan pasaran tempatan. Oleh kerana kajian ini lebih memfokuskan kepada aspek bentuk morfologi dan makna kata kerja dalam kapsyen bahasa sumber (BJ) dan teks sari katanya (dalam BM), maka pengkaji dengan sendirinya telah memperoleh data yang dikehendaki daripada kapsyen dalam BJ dan teks sari kata dalam BM.

1.7 KEPENTINGAN KAJIAN

Berbanding dengan kajian linguistik terapan seperti terjemahan medium penulisan yang mempunyai sejarah yang panjang dengan teori-teori yang lebih mantap dan jitu, kajian terhadap terjemahan audiovisual masih begitu baru dan asing bukan sahaja di Malaysia, malahan juga di peringkat global.

Justeru itu, semoga dengan kajian ini kelak akan dapat memenuhi kepentingan-kepentingan seperti senarai berikut:

1. Menjadi garis panduan kepada para penterjemah tempatan khasnya para penyari kata untuk meningkatkan lagi kualiti sari kata di Malaysia.
2. Menggariskan ciri-ciri yang perlu diberi perhatian dalam usaha mempertingkatkan kesesuaian pemilihan leksikal(kata kerja) bagi sari kata BM terhadap produk audio visual yang diimport khasnya dari Jepun.
3. Menyumbang penambahan ilmu linguistik terapan seperti bidang terjemahan, sosiolinguistik dan pragmatik bagi kajian bahasa terhadap produk-produk media elektronik import.
4. Menjadi rujukan terhadap perancangan dan penambahbaikan silibus pengajaran terjemahan, khususnya terjemahan sari kata BM.
5. Memberi alternatif kepada guru bahasa dalam penggunaan alat bantuan mengajar dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa asing melalui medium audiovisual yang asli seperti filem, siri drama TV dan siri animasi luar negara.

1.8 DEFINISI ISTILAH

Terdapat lima istilah penting yang menjadi asas kepada kajian ini. Istilah-istilah ini mewakili isu-isu penting yang akan diketengahkan dalam kajian ini. Berikut adalah lima terminologi penting yang perlu dijelaskan dalam kajian ini:

1.8.1 Sari Kata

Definisi sari kata oleh Wan Amizah (1998, hlm. 2) sebagai,

“Dialog atau pengucapan daripada satu bahasa sasaran dalam sesebuah rancangan yang dibuat dalam bentuk tulisan dan ditindih di atas layar filem atau skrin televisyen serta bersinkronis dengan dialog atau pengucapan bahasa sumber.”

(Wan Amizah , 1998, hlm. 2)

Pat Alexander dalam Broadcasting Glossary (1989, dalam Wan Amizah, 1998, hlm. 1) memberi maksud sari kata seperti berikut:

“Printed dialogue or descriptive commentary superimposed on the screen to provide information in a language other than that on the soundtrack.”

(Pat Alexander, (1989) Wan Amizah, 1998, hlm. 1)

1.8.2 Kapsyen

Kapsyen ialah sari kata intralingual iaitu dialog pertuturan bahasa sumber yang disiarkan melalui teks tulisan bahasa sumbernya juga. Ia bertujuan untuk memudahkan penonton bahasa sumber yang kurang daya pendengaran memahami jalan cerita sesebuah filem yang mereka tonton melalui pembacaan teks tulisan yang disiarkan di bahagian bawah skrin.

1.8.3 Kata Kerja

Kata kerja merupakan elemen yang diperlukan dalam apa juga bahasa kerana peranannya yang amat penting dalam pembentukan ayat. Kata kerja dalam BM ialah perkataan yang menunjukkan perbuatan atau keadaan perbuatan. Perbuatan ialah aktiviti yang terkandung dalam perkataan seperti *menulis*, *berlari* dan keadaan terkandung dalam perkataan seperti *berfikir* dan *tidur*. Menurut Liaw (1985, hlm.48), kata kerja BM tidak dapat ditentukan oleh perubahan pada bentuknya (infleksi). Justeru itu tambah beliau lagi, penggolongan kata kerja BM akan ditentukan melalui tiga tahap, iaitu (a) imbuhan; (b) penanda kata; dan (c) fungsinya.

Berbeza dengan kata kerja BM, kata kerja BJ merupakan kata kerja yang terikat dan berkonjugasi serta berfungsi sebagai prediket ayat. Kata kerja BJ menunjukkan perbuatan, perlakuan, pergerakan, pertukaran, keadaan, kewujudan dan sebagainya. Kedudukan kata kerja dalam BJ adalah pada akhir ayat, iaitu dalam susunan kata SOV (Subjek(S), Objek(O) dan kata kerja (V)).

1.8.4 Konjugasi

Konjugasi menunjukkan bagaimana pertukaran berlaku pada kata kerja berdasarkan keadaan tertentu mengikut kata ganti diri (perorangan), kala, bilangan dan sebagainya (Merriam-Webster, 2013).

Konjugasi dalam bahasa Jepun tidak hanya berlaku pada kata kerja, malah turut berlaku pada kata adjektif. Bentuk konjugasi bertukar berdasarkan sama ada sesuatu ayat itu berterusan atau berakhir. Sekiranya ayat tersebut berterusan, bentuk konjugasinya bertukar mengikut perkataan yang menyusuli (Thaiyibah dan Kami, 1997, hlm.93).

1.8.5 Strategi Terjemahan Sari Kata

Strategi boleh diibaratkan sebagai suatu susunan pendekatan-pendekatan dan kaedah-kaedah untuk mencapai sesuatu matlamat dengan menggunakan tenaga, masa serta kemudahan secara optimum. Seorang penyari kata misalnya harus memikirkan strategi yang paling sesuai untuk mencapai objektifnya untuk menghasilkan sari kata yang paling berkesan atau strategi untuk merungkaikan segala permasalahan yang timbul semasa proses penarikataan dilakukan. Dalam terjemahan sari kata antara pelopornya ialah Gottlieb (1992) yang menyarankan sepuluh strategi terjemahan sari kata (dibincangkan secara terperinci dalam Bab 3, hlm. 95-96)

1.8.6 Padanan

Padanan atau *Equivalence* diterjemahkan sebagai kesamaan oleh Muhammad Fauzi Jumingan (2006, p.20) dalam *Glosari Pengajian Ilmu Penterjemahan dan Interpretasi*. Menurut beliau lagi, istilah ini sering digunakan untuk menjelaskan kesejadian dan keluasan hubungan yang sedia wujud antara teks sumber (ST) dengan teks sasaran (TT). Secara umumnya, istilah ini bermaksud persamaan dari segi makna dan fungsi. Pada teorinya, mungkin mustahil untuk mendapatkan kesamaan mutlak antara dua bahasa yang berbeza dalam penterjemahan. Namun begitu, secara praktikalnya, kesamaan merupakan konsep asas bagi penterjemahan, khususnya dalam dua bahasa serumpun. Persamaan asas dalam bahasa serumpun sering dikenali sebagai sinonim. Nida dan Taber (1969, hlm.202) mendefinisikan *equivalence* sebagai “persamaan makna paling dekat berbanding persamaan dalam bentuk”. Begitu juga pernyataan oleh Van de Brock (dipetik daripada Zalina, 2000, hlm. 40) yang menganggap *equivalence* sebagai hubungan standard antara yang asli dan terjemahan dan sering merujuk sebagai persamaan, analog, kesempurnaan, ketidakperubahan dan kongruen (serba sama). Oleh kerana telah ada kajian yang menggunakan istilah *equivalence* sebagai padanan seperti

Mashudi Kader dan Low Bee Eng dalam artikelnya yang bertajuk ‘Padanan Kata Depan dan Kata Sandang’ (1992) dan ‘Padanan dan Penyelesaian: Penterjemahan Kata Namaan’ (1993), dan juga Goh Sang Seong (2011) dalam artikelnya ‘Penterjemahan Kata Kerja Bahasa Cina-Bahasa Melayu: Satu Analisis Ketepatan Makna Padanan’, maka pengkaji juga akan menggunakan istilah padanan sebagai terjemahan kepada *equivalence* dalam kajian ini seterusnya.

1.9 RINGKASAN BAB

Pada keseluruhannya, kajian ini mengandungi sembilan bab. Bab **pertama** merupakan pengenalan dan membincangkan latar belakang kajian yang merangkumi pernyataan masalah dan objektif kajian. Bab ini juga turut menyentuh tentang kepentingan kajian, bidang serta batasan kajian. Definisi lima istilah penting turut dimuatkan dalam bab ini.

Dalam bab **dua** pula, pengkaji memuatkan sorotan kajian lampau yang berkaitan padanan terjemahan. Beberapa isu berkaitan padanan yang telah di ketengahkan oleh beberapa orang linguist seperti Nida (1964, 1969), Catford (1965) dan Baker (1992) telah dibincangkan. Namun penghuraian pengkaji adalah lebih bertumpu kepada konsep padanan yang telah dibincangkan oleh Nida. Ini kerana konsep padanan (Nida, 1964, 1969) merupakan kerangka kepada kajian ini.

Sementara dalam bab **tiga** pula, huraian memberi fokus kepada terjemahan sari kata kerana kajian ini merupakan kes kajian penterjemahan sari kata. Perbincangan merangkumi isu-isu yang berkaitan terjemahan sari kata seperti jenis-jenis sari kata, fitur-fitur sari kata dan strategi penterjemahan sari kata. Tidak ketinggalan juga dibincangkan kajian-kajian dari dalam dan luar negara yang berkaitan dengan kajian ini.

Bab **empat** membentangkan metodologi yang digunakan dalam kajian ini. Antara perkara yang dimuatkan dalam bab ini adalah reka bentuk kajian, persampelan dan instrument kajian. Selain itu, pengkaji turut membincangkan tentang tatacara pengumpulan data dan kaedah penganalisan data.

Bab **lima** membentangkan tentang kata kerja BJ, yang menjelaskan ciri-ciri penting kata kerja dalam BJ. Misalnya, pengkaji menghuraikan ciri-ciri gramatis, pengkelasan bentuk kata kerja serta penggolongan bentuk konjugasi.

Bab **enam** adalah untuk pengenalan kata kerja BM. Pengkaji menghuraikan jenis kata kerja BM, kata kerja unggulan dan kata kerja terbitan serta kata kerja bantu yang turut penting dalam BM.

Bab **tujuh** merupakan huraian dan rumusan berdasarkan pemerhatian terhadap hasil analisa korpus yang menggunakan perisian *Concapp Windows Application* (Copyright © Chris Greaves 1993-2003). Dalam bab ini juga dihuraikan hasil pemerhatian terhadap perbandingan bentuk antara keduanya (kata kerja BJ dan kata kerja BM) seperti perbandingan jumlah variasi dan perbandingan bentuk konjugasi untuk BJ dan bentuk imbuhan untuk BM.

Sementara bab **lapan** membentangkan hasil pemerhatian pengkaji terhadap strategi terjemahan yang digunakan dalam terjemahan kata kerja BJ kepada kata kerja BM dalam sari kata bahasa Melayu untuk dua filem animasi bahasa Jepun terpilih. Huraian juga merangkumi ciri-ciri yang terdapat pada kata kerja tersebut sehingga pelbagai strategi penterjemahan digunakan contohnya. Contohnya, kata kerja terikat yang

menggunakan strategi pemecahan di mana kata kerja yang pertama sahaja yang diterjemahkan.

Bab terakhir iaitu bab **sembilan**, merupakan penutup kepada kajian ini. Dalam bab ini pengkaji memuatkan kesimpulan dapatan kajian, implikasi kajian serta cadangan kajian lanjut.

1.10 KESIMPULAN

Bab ini merupakan pendahuluan dan pengenalan terhadap latar belakang kajian secara keseluruhan. Boleh disimpulkan juga bahawa kajian ini merupakan usaha untuk mengenal pasti strategi terjemahan sari kata yang sering digunakan oleh penyari kata yang melibatkan sampel sari kata BM dalam filem *anime* Jepun. Melalui kajian ini, strategi penterjemahan sari kata yang bersesuaian dicadangkan untuk menghasilkan sari kata yang berkualiti,. Selain itu, kajian ini dapat memperlihatkan bentuk dan variasi padanan makna kata kerja BJ dan BM dalam terjemahan sari kata yang kelak dapat dimanfaatkan dalam bidang pengajaran dan pembelajaran BJ dan juga bidang terjemahan.